



Semua Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri,
Pegawai Daerah,
PULAU PINANG.

SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 3 TAHUN 2009

***KENAIKAN HAD NILAI PEMBIAYAAN BAGI PROJEK-PROJEK
KHAS/LATIHAN KHAS/BEKALAN P.16 (03) DAN
SYARAT-SYARAT PENGURUSAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH
MAKSUD PEMBANGUNAN P.16 (02) DAN (03)***

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan memaklumkan perubahan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008 berkaitan had nilai pembiayaan bagi projek-projek yang dicadangkan melalui peruntukan P.16 (03) dan syarat-syarat pengurusan projek P.16 (02) dan (03).

LATAR BELAKANG

2. Peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat serta projek-projek khas/latihan khas/bekalan mengikut

Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) disediakan di bawah Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Kewangan Negeri mengikut Butiran 02 dan 03 masing-masing. Peruntukan yang diluluskan dalam tahun 2009 bagi setiap KADUN ialah mengikut agihan berikut:

- i. Projek Pembangunan Masyarakat P.16 (02) - RM40,000.00
- ii. Projek Khas/Latihan Khas/Bekalan P.16 (03) - RM60,000.00

Pembentangan bagi projek-projek di luar KADUN tidak dibenarkan daripada peruntukan asas yang diluluskan untuk setiap KADUN.

3. Skop dan kategori projek yang boleh dilaksanakan melalui peruntukan P.16 (02) dan (03) adalah seperti mana diuraikan dalam Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008.

KENAIKAN HAD NILAI PEMBIAYAAN MELALUI PERUNTUKAN P.16 (03)

4. Perubahan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008 berkaitan had nilai pembentangan di bawah peruntukan P.16 (03) Projek-projek Khas/Latihan Khas/Bekalan ialah seperti berikut:

Asal	Baru
Pembentangan bantuan dan peralatan/barangan/bekalan tidak melebihi RM5,000.00.	Pembentangan bantuan dan peralatan/barangan/bekalan sehingga RM10,000.00.

5. Peruntukan di bawah P.16 (03) tidak dibenarkan diberi kepada badan politik atau persatuan/kelab/perbadanan yang bermotifkan komersial ataupun yang tidak berdaftar. Peruntukan ini juga tidak boleh diberi kepada jabatan/agensi/organisasi kerajaan atau bagi mana-mana

Maksud Bekalan dan Butiran Pembangunan di mana peruntukan telah disediakan dalam bajet jabatan/agensi/organisasi kerajaan berkaitan.

SYARAT-SYARAT PENGURUSAN PROJEK MELALUI PERUNTUKAN P.16 (02) DAN (03)

6. Tatacara pelaksanaan projek bagi P.16 (02) dan (03) masih berpandukan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008. Y.B. ADUN mengemukakan cadangan projek kepada Pegawai Daerah yang akan membuat semakan dan saringan sama ada memenuhi garis panduan pelaksanaan projek dari segi skop projek yang dibenarkan, had pembiayaan yang dibenarkan dan kecukupan peruntukan sebelum mengeluarkan surat kelulusan untuk pelaksanaan projek.

7. Pelaksanaan projek pembangunan masyarakat melalui peruntukan P.16 (02) hendaklah menepati ketetapan di Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 iaitu perolehan kerja melalui sebut harga bagi nilai projek melebihi RM20,000.00 dan perolehan secara cabutan undi di kalangan kontraktor kelas F bagi pelaksanaan projek bernilai melebihi RM10,000.00 hingga RM20,000.00. Bagi kerja projek bernilai kurang daripada RM10,000.00 hendaklah dikenal pasti sekurang-kurangnya tiga (3) kontraktor yang menawarkan harga yang kompetitif dengan nilai yang terbaik, dan dibuat secara giliran melalui proses undian bagi memastikan prinsip kesaksamaan dan adil dilaksanakan. Tatacara perolehan kerja adalah dengan menggunakan Inden Kerja.

8. Pegawai Daerah hendaklah memantau bersama dengan Y.B. ADUN pelaksanaan projek-projek Pembangunan Masyarakat di bawah P.16 (02). Melalui pemantauan bersama, diyakini pemasalahan projek pembangunan masyarakat sekiranya berbangkit, iaitu dari segi mutu dan kualiti kerja

serta pematuhan kepada spesifikasi projek dan sebagainya, dapat diambil tindakan intervensi awal. Tindakan ini bertujuan supaya projek dapat dilaksanakan dengan lebih licin dan memenuhi jadual, dan yang lebih pentingnya ialah dapat memenuhi kehendak kumpulan sasar di KADUN berkaitan.

9. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 13 Ogos 2008 telah bersetuju membenarkan Y.B. ADUN yang mencadangkan projek-projek bekalan melalui peruntukan P.16 (03) yang bernilai kurang daripada RM5,000.00 mengenalpasti pembekal/syarikat bagi melaksanakan projek bekalan terlibat. Namun demikian adalah menjadi kewajipan Pegawai Daerah yang menguruskan perolehan bekalan membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan bekalan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan (*value for money*). Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor-faktor lain yang berkaitan. Bagi menjamin ketelusan, hendaklah dikenal pasti sekurang-kurangnya tiga (3) pembekal yang menawarkan harga yang kompetitif dengan nilai yang terbaik, dan dibuat secara giliran melalui proses undian bagi memastikan prinsip kesaksamaan dan adil dilaksanakan. Tatacara perolehan bekalan adalah dengan menggunakan Pesanan Tempatan.

10. Bagi perolehan bekalan melalui peruntukan P.16 (03) yang nilainya melebihi RM5,000.00 sehingga RM10,000.00, perolehan hendaklah dibuat secara cabutan undi di kalangan pembekal yang berdaftar dalam sistem ePerolehan, seperti mana ketetapan di Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 : Pelaksanaan Sistem ePerolehan Di Negeri Pulau Pinang.

11. Projek-projek yang dicadangkan di bawah peruntukan P.16 (02) dan (03) hendaklah memberi fokus yang lebih kepada *people centric* dan memberi manfaat yang menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat dan meliputi semua komposisi etnik di KADUN berkaitan.
12. Sekatan perbelanjaan bagi peruntukan P.16 (02) dan (03) dan syarat pemberian terus (*outright grant*) adalah seperti mana ketetapan di Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008.

TARIKH KUATKUASA

13. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, had nilai pembiayaan bagi projek bekalan di perenggan 4(b) Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008 dibatalkan.
14. Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,


[DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF]
Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang.

Tarikh : 15 Januari 2009

**s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri
PULAU PINANG.**

**Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
PULAU PINANG.**